



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)

**LAPORAN SURUHANJAYA MENGENAI
SIASATAN KE ATAS TINDAKAN PIHAK POLIS YANG MENAHAN DAN
MENANGKAP SITI ZABEDAH BINTI KASIM YANG DIKATAKAN MELARIKAN
SESEORANG DALAM JAGAAN PIHAK YANG SAH SECARA SALAH SERTA
MENGHALANG PENJAWAT AWAM**

ISI KANDUNGAN

Butiran	Tajuk	Muka Surat
1	PENGENALAN	1
2	PASUKAN PETUGAS	2
3	TERMA-TERMA RUJUKAN	2
4	KRONOLOGI KES	3-14
5.	TATACARA PENYIASATAN	15
6.	RINGKASAN KETERANGAN SAKSI	16
7	ANALISA DAN DAPATAN SIASATAN SURUHANJAYA	16-19
8	KESIMPULAN	19
9	SYOR DAN PERAKUAN SURUHANJAYA	19

5

**LAPORAN SURUHANJAYA MENGENAI
SIASATAN KE ATAS TINDAKAN PIHAK POLIS YANG MENAHAN DAN
MENANGKAP SITI ZABEDAH BINTI KASIM YANG DIKATAKAN MELARIKAN
SESEORANG DALAM JAGAAN PIHAK YANG SAH SECARA SALAH SERTA
MENGHALANG PENJAWAT AWAM**

10

1. PENGENALAN

15 1.1 Kertas ini dibentangkan untuk makluman Suruhanjaya berkenaan tindakan siasatan awal serta dapatan yang diperolehi berkenaan isu seorang aktivis dan peguam, Siti Zabedah binti Kasim ("**Siti Kasim**") yang telah ditahan pihak polis pada 24/6/2018 jam lebih kurang 12.40 tengah malam, di Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Kajang, Selangor.

20 1.2 Pada 24/6/2018, Suruhanjaya telah menerima maklumat melalui penyebaran berita di media perdana berhubung dengan penahanan Siti Kasim oleh pihak polis pada 12.40 tengah malam, di Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Kajang atas dakwaan melakukan kesalahan di bawah seksyen 186 Kanun Keseksan iaitu menghalang penjawat awam menjalankan tugas dan juga terdapat alasan yang munasabah beliau
25 terlibat melakukan kesalahan di bawah seksyen 363 Kanun Keseksan kerana menculik Anis Nur Izzaty binti Ruslan ("**Anis**") yang dikatakan sebagai anak guam **Siti Kasim**.

30 1.3 Penahanan tersebut dikatakan dibuat secara tidak suci hati (*'mala fide'*) oleh pihak polis dan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Isu tangkapan tersebut telah disensasikan di media sehingga menimbulkan pelbagai persepsi dalam kalangan orang ramai

35

5 **2. PASUKAN PETUGAS**

2.1. Pasukan Petugas tersebut dianggotai oleh ahli-ahli berikut:

- 10 (i) YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ad Hamid
Pengarah Bahagian Operasi;
- (ii) Tuan Abdul Rani bin Megat Kassim
Timbalan Pengarah Bahagian Operasi (Siasatan);
- 15 (iii) Tuan Fairos Danial bin Mazlan
Pegawai Siasatan;
- (iv) Tuan Mohd Abd Shukor bin Yong
Pegawai Siasatan;
- 20 (v) Tuan Nathan a/l Krishenan
Pegawai Siasatan;
- (vi) Puan Nura Ashikin binti Mior Mohamad Sharudin
Pegawai Siasatan;
- 25 (vii) Puan Norhazirah binti Mustaffa Kamal
Pegawai Siasatan;
- 30 (viii) Puan Susan anak Leo
Pegawai Siasatan;

3. TERMA-TERMA RUJUKAN PASUKAN PETUGAS

35

3.1 Terma-terma rujukan (*Terms of Reference*) Pasukan Siasatan adalah seperti yang berikut:

- 40 a) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku dan pelanggaran *Standard Operating Procedure* (S.O.P) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai / anggota Polis Diraja Malaysia ("PDRM") semasa melaksanakan

5 tangkapan terhadap Siti Kasim bagi meneruskan siasatan di bawah Seksyen 363/186 Kanun Keseksaan;

10 b) Untuk mengenalpasti sama ada proses penggeledahan yang dilakukan di rumah Siti Kasim terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran S.O.P semasa;

c) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

15 (i) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;

(ii) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedure* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong berlakunya salah laku tersebut; dan

20 (iii) siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

d) Untuk menyediakan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

25 3.2 Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan dan syor-syor terhadapnya.

30 4. KRONOLOGI KES

4.1 Ibu kepada Anis telah membuat laporan polis di IPD Putrajaya iaitu PRESINT 7/005721/18 dan PRESINT 7/005630/18 berkaitan anaknya yang disyaki mengalami gangguan mental (*'mentally disorder'*) dan perlu dirawat.

35

- 5 4.2 Pada 21/6/2018, ibu kepada Anis telah memaklumkan kepada pihak polis bahawa kini berada di Jabatan Agama Islam Selangor (“JAIS”) di Shah Alam.
- 10 4.3 Bertindak atas maklumat tersebut, pada **21/6/2018 @ 0930hrs**, anggota polis iaitu **A8** telah menghubungi Ketua Polis Daerah (“OCPD”) IPD Putrajaya bagi memaklumkan pergerakan keluar daerah untuk pergi ke JAIS di Shah Alam di bawah peruntukan Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*].
- 15 4.4 **A8** telah memberikan taklimat kepada lapan (8) orang anggota berhubung dengan pergerakan untuk membawa Anis dari JAIS ke Hospital Kajang. Pada pukul 10.00 pagi, **A8** kemudiannya bergerak dari IPD Putrajaya ke JAIS yang terletak di Bangunan Setiausaha Kerajaan (“SUK”) Selangor dan tiba di Bangunan SUK pada jam lebih kurang 11.20 pagi. **A8** telah berjumpa dengan 2 orang pegawai JAIS, sebelum pegawai JAIS tersebut membawa **A8** bersama dengan 8 yang lain, naik ke tingkat 9 Bangunan SUK. Semasa berada di tingkat 9, **A8** telah berjumpa dengan pegawai-pegawai JAIS. **A8** telah berjumpa dengan **Anis** bersama dengan 1 orang lelaki dan 1 orang perempuan yang mana seorang lelaki melayu telah mengaku sebagai peguam kepada **Anis**. Ketika kejadian, **Anis** telah menjerit seperti dalam ketakutan apabila melihat **A8**.
- 25 4.5 **A8** telah bercakap dengan lelaki melayu yang mengaku sebagai peguam kepada **Anis** dan memaklumkan bahawa beliau hanya ingin membawa **Anis** ke hospital di bawah peruntukan Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*]. **A8** juga ada memaklumkan sekiranya **Anis** tidak memberi kerjasama, **Anis** akan dipakaikan baju *straight jacket* dan dibawa ke Hospital Kajang.
- 30 4.6 **Anis** bersetuju untuk memberi kerjasama dan masih lagi memeluk tangan lelaki melayu tersebut sehingga ke kereta untuk dibawa ke Hospital Kajang, tempat **Anis** dibuat penilaian dan pemeriksaan.
- 35

5 Kemudiannya, kereta polis yang dinaiki **A8** bersama dengan sebuah lagi kenderaan polis dan kereta milik kedua ibu bapa **Anis** telah pergi ke Hospital Kajang.

DI HOSPITAL KAJANG

10

4.7 Pasukan polis tiba di Hospital Kajang pada pukul 1230 hrs dan **A8** bersama-sama dengan ibu **Anis** melakukan pendaftaran di Hospital tersebut sementara **Anis** berada di dalam kereta polis. Selepas itu **Anis** dibawa masuk ke dalam wad kecemasan dan diletakkan di atas katil di dalam Zon Kuning Wad Kecemasan Hospital Kajang. Seorang doktor perempuan melayu bertudung dan seorang lagi doktor iaitu **A7** telah membantu membuat penilaian dan pemeriksaan ke atas **Anis**.

15

20

4.8 Semasa **Anis** berada di Zon Kuning Wad Kecemasan Hospital Kajang, seorang perempuan melayu iaitu **Siti Kasim** telah meluru masuk ke wad kecemasan dan menjerit-jerit memanggil nama **Anis**. Menurut seorang anggota polis iaitu **A9**, beliau yang ketika itu berada di hujung wad kecemasan terus pergi ke hadapan wad kecemasan tempat di mana **Siti Kasim** berada dan **A9** meminta **Siti Kasim** supaya tidak membuat bising di wad kecemasan hospital. Tanpa mengendahkan permintaan **A9**, **Siti Kasim** sebaliknya terus menjerit bertanya “**Who are you**” dan **A9** telah memaklumkan beliau adalah seorang anggota polis dan menasihati **Siti Kasim** agar tidak mencetuskan sebarang bentuk perselisihan atau pergaduhan dan memohon beliau keluar dari wad kecemasan. Namun, **Siti Kasim** tetap menjerit “**don’t touch me, I am a lawyer**” dan ketika itu **Anis** telah keluar meluru ke arah **Siti Kasim** dan memeluk **Siti Kasim**.

25

30

35

4.9 **Anis** telah dibawa keluar oleh **Siti Kasim** dari wad kecemasan. Kemudiannya, **Siti Kasim** telah bertengkar dengan kedua-dua ibu dan ayah **Anis** yang ketika itu berada di ruangan menunggu Wad Kecemasan Hospital Kajang. Selepas itu, **Anis** telah dibawa keluar oleh **Siti Kasim** dari Wad Kecemasan Hospital Kajang.

5

4.10 Semasa **A9** keluar daripada wad kecemasan itu, **Siti Kasim** telah kembali semula seorang diri untuk berjumpa dengan **A9** dan anggota yang lain bagi mendapatkan kad pengenalan dan *handphone* milik **Anis**. Walau bagaimanapun, **A9** tiada pengetahuan tentang penyerahan barang tersebut kerana tidak pernah melihatnya.

10

4.11 Pada **21/06/2018 @ 2016 hrs**, **A9** telah membuat satu laporan polis berhubung dengan kejadian tersebut.

15 KETERANGAN PEGAWAI PERUBATAN

4.12 Menurut pegawai perubatan Hospital Kajang iaitu **A7**, beliau telah dihubungi oleh pihak kecemasan dan trauma Hospital Kajang untuk membuat penilaian seorang pesakit iaitu **Anis** yang ditempatkan di Zon Kuning Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kajang.

20

4.13 Semasa menjalankan penilaian ke atas pesakit secara oral, pesakit memaklumkan bahawa ibu dan polis berkomplot untuk membawa pesakit ke Hospital Kajang dan ibu pesakit menderanya secara verbal dan emosi selama bertahun-tahun sebelum ini. Pada awalnya, pesakit tidak mahu diambil darah untuk ujian tetapi selepas **A7** memujuk pesakit barulah pesakit membenarkan darahnya diambil.

25

4.14 **A7** bertanyakan soalan yang sama kepada ibu pesakit dan ibunya menjelaskan bahawa sebagai seorang ibu, beliau risau dengan perubahan tingkah laku pesakit dan pesakit pernah mengugut untuk membunuh diri serta melacurkan diri melalui pesanan ringkas (SMS) yang dihantar.

30

4.15 Kemudian **A7** terdengar suara seorang wanita menjerit dengan kuat dan bertanya mempersoalkan kewajaran perkara-perkara berikut:

35

- i) pesakit berada di wad kecemasan; dan

5 ii) ibu pesakit dan polis membawa pesakit tanpa dokumen yang sah serta tanpa kebenaran pesakit sendiri.

10 4.16 Berikutan itu, **A7** telah pergi ke Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental untuk merujuk insiden itu kepada pakar psikiatri yang bertugas dan seterusnya telah memaklumkan perihal insiden tersebut.

15 4.17 **A7** bersama-sama dengan pakar psikiatri tersebut terus menuju ke Zon Kuning Wad Kecemasan dan Trauma dan mendapati pesakit telah berada di luar Jabatan Kecemasan dan Trauma dikelilingi oleh beberapa orang yang mendakwa mereka adalah dari *Women Aid Organisation* (WAO). Turut kelihatan seorang wanita sedang bertengkar dengan kedua ibu bapa pesakit sementara pesakit berada di kawasan tersebut. Kejadian tersebut berlangsung lebih kurang 15 minit dan wanita yang bertengkar tadi telah beredar bersama pesakit dan beberapa yang lain ke tempat yang tidak pasti.

LAPORAN POLIS KAJANG/23052/18

25 4.18 Pada 21/6/2018 @ 2030hrs, **A3** telah dimaklumkan report bersabit laporan polis KAJANG/23052/18 iaitu satu kejadian yang berlaku di Hospital Kajang pada jam 1630hrs yang mana pengadu adalah seorang anggota polis berpangkat Sarjan iaitu **A7** yang bertugas di Balai Polis Presint 7, Putrajaya berkaitan dengan kejadian seorang pesakit perempuan melayu dilarikan oleh seorang perempuan melayu iaitu **Siti Kasim**.

35 4.19 Pada 22/6/2018 @ 0004hrs **A3** telah dimaklumkan oleh anggota pejabat pertanyaan Balai Polis Seapark berkenaan Sek 9 report 6774/18 yang mana mangsa yang didakwa dilarikan, **Anis** ada membuat laporan polis mengatakan bahawa dirinya telah dibawa secara paksa oleh pihak polis dari JAIS Shah Alam ke Hospital Kajang untuk menjalani pemeriksaan mental dan menegaskan beliau secara sukarela mengikut peguamnya iaitu **Siti Kasim** keluar dari hospital.

5

4.20 Pada sebelah petang 23/06/2018, **A4** telah terima panggilan telefon daripada seorang pegawai polis untuk membuat serbuan sebuah rumah di Segambut berkaitan kes seksyen 363 Kanun Keseksaan (“KK”) kes yang melibatkan seorang perempuan melayu iaitu **Anis** dan seorang suspek iaitu **Siti Kasim** berdasarkan kepada laporan polis.

SERBUAN RUMAH SITI KASSIM

4.21 Pada 23/06/2018 @ 2100hrs **A4** tiba bersama pasukan serbuan di rumah suspek dan berjumpa dengan seorang pegawai dan memberi taklimat serta memaklumkan bahawa berdasarkan maklumat awam, mangsa dipercayai berada di dalam rumah tersebut. Menurut **A4**, memandangkan keadaan lampu di dalam rumah adalah menyala pada ketika itu, beliau telah melihat kelibat orang berlari di dalam rumah melalui cermin di sebelah pintu.

4.22 Pemerhatian dibuat selama 15 minit sebelum **A4** mengetuk pintu, menekan loceng dan memperkenalkan diri sebagai polis dan meminta penghuni membuka pintu tetapi tidak berjawab. Pada waktu itu tidak ada sebarang kehadiran orang awam di lokasi. **A4** telah berkali-kali mengeluarkan kata amaran bahawa sekiranya pintu tidak dibuka, pihak polis akan mengambil tindakan memecahkan pintu rumah tetapi tiada respons.

4.23 **A4** berbincang dengan seorang lagi pegawai polis berhubung dengan tindakan susulan yang perlu diambil. Hasil perbincangan memutuskan untuk menggunakan kuasa polis berikutan laporan polis yang dibuat untuk memecah masuk ke dalam rumah tersebut bagi tujuan menyelamatkan mangsa, bimbang mangsa akan mencederakan diri sendiri atau mencederakan orang lain.

4.24 Pihak polis yang diketuai oleh **A4** telah menggunakan ‘cutter’ untuk memotong kunci dan kemudian grill dapat dibuka. Selepas sampai di

- 5 pintu kayu, **A4** telah ketuk berkali-kali dan mengeluarkan kata-kata amaran tetapi masih tidak dijawab. **A4** dan pasukan telah memecahkan pintu dengan mengumpul menggunakan kuku kambing dan beberapa tindakan lain sehingga pintu dapat dibuka. Pihak polis mengambil masa antara 5 ke 10 minit untuk memecahkan pintu tersebut.
- 10
- 4.25 Pasukan **A4** dan pasukan D8 IPD Kajang telah masuk dan membuat pemeriksaan di dalam rumah dan tidak menjumpai sesiapa tetapi mendapati pintu bilik utama berkunci. **A4** telah ketuk pintu bilik utama, memperkenalkan diri sebagai pegawai kanan polis dan **A4** turut
- 15 memberikan kata-kata amaran jika pintu bilik utama tidak buka, beliau akan pecahkan pintu tersebut. Walau bagaimanapun, ia tidak diendahkan.
- 4.26 **A4** telah memecahkan pintu bilik utama dan masuk mendapati tiada
- 20 sesiapa di dalam bilik, dan mendapati pintu tandas di dalam bilik utama tersebut berkunci. Ketika itu, **A4** syaki mangsa / suspek berada di dalam tandas menyembunyikan diri dan kemudian telah ketuk pintu tandas, keluarkan kata-kata amaran jika tidak buka, pintu akan dipecahkan. Namun, kata-kata amaran tersebut masih tidak
- 25 diendahkan.
- 4.27 **A4** mengarahkan anggotanya untuk memecahkan pintu tandas dan seorang anggota telah menendang pintu plastik tandas tersebut. **A4** nampak seorang perempuan melayu di hujung sudut tandas sedang menyembunyikan diri dan berpakaian lengkap. **A4** telah kenalkan diri
- 30 sebagai pegawai polis, tetapi perempuan melayu masih dalam keadaan ketakutan. **A4** telah arahkan *Woman Police Constable (WPC)* **A6** untuk membantu mengeluarkan perempuan melayu tersebut.
- 35 4.28 Selepas keadaan tenang, **A4** telah memperkenalkan diri dan minta perempuan melayu tersebut kenalkan diri serta baca nombor kad pengenalan. Mangsa telah beri kerjasama dan membacakan nombor

- 5 kad pengenalannya, **A4** semak dan dapati nombor kad pengenalan tersebut sepadan dengan nombor kad pengenalan mangsa iaitu **Anis**.
- 4.29 Kemudian pihak polis turut membuat carian di keseluruhan kawasan rumah untuk mengesan suspek. **Anis** memaklumkan kepada pihak polis bahawa beliau berseorangan di dalam rumah.
- 10
- 4.30 **A4** telah memberikan penjelasan kepada **Anis** akan tujuan kehadiran dan kewajaran pihak polis bertindak memecahkan pintu adalah untuk menyelamatkan **Anis** yang merupakan mangsa dalam kes ini. **A4** turut memaklumkan bahawa beliau menerima arahan untuk membawa **Anis** ke IPD Kajang.
- 15
- 4.31 **Anis** dibawa ke IPD Kajang tanpa gari kerana **Anis** merupakan mangsa kes dan dikawal oleh **A6**.
- 20
- 4.32 Lebih kurang jam 10 ke 11 malam pasukan polis sampai ke IPD Kajang dan **A4** terus bawa **Anis** naik ke pejabat D9 IPD Kajang. Sampai sahaja di pejabat D9, **Anis** diletakkan di bilik rehat, diberikan makan dan minum.
- 25
- 4.33 **A4** telah maklumkan kepada Pegawai Risikan/Operasi IPD Kajang yang beliau telah sampai di IPD Kajang bersama **Anis** dan pegawai tersebut arahkan **A4** untuk maklum kepada pegawai yang memangku tugas Pegawai Risikan/Operasi iaitu **A5** dan IO iaitu **A3**.
- 30
- 4.34 Pada **23/06/2018** jam lebih kurang **2300hrs** dalam perjalanan **A3** dari rumahnya di Seremban ke pejabat, beliau telah dimaklumkan oleh seorang pegawai kanan bahawa mangsa iaitu **Anis** telah diselamatkan oleh pasukan D9 IPD Kajang dan suspek utama iaitu **Siti Kasim** dalam perjalanan ke IPD Kajang.
- 35
- 4.35 **A3** juga diarahkan oleh pegawai kanan tersebut untuk membuat laporan polis bagi menghantar mangsa ke hospital bagi pemeriksaan.

- 5 Setelah tiba di IPD Kajang, **A3** menuju ke pejabat D9 dan **A3** nampak **Anis** yang ketika itu di bilik rehat pejabat. Semasa sedang membuat laporan polis KAJANG/23296/18 di pejabat D9, **Siti Kasim** dan beberapa orang telah hadir di pejabat D9 dan bertanyakan tentang **Anis**.
- 10
- 4.36 Setelah beberapa ketika, dan semasa **A3** sedang membuat laporan polis di dalam bilik di pejabat D9, telah berlaku kekecohan. Tidak berapa lama kemudian, Pemangku Pegawai Operasi iaitu **A5** telah masuk ke pejabat D9 dan menahan **Siti Kasim** dengan bantuan seorang anggota perempuan dan **Siti Kasim** diarahkan keluar dari pejabat D9.
- 15
- 4.37 Pada jam lebih kurang **24/6/2018 @ 0030hrs**, KBSJD Kajang telah masuk ke pejabat D9 dan telah mengarahkan seorang pegawai polis untuk merakam percakapan **Anis**, manakala **A3** telah diarahkan untuk merakam percakapan **Siti Kasim** setelah laporan tangkapan dibuat oleh **A5** iaitu KAJANG/23297/18. Kemudian KBSJD mengarahkan anggota wanita D9 untuk membawa **Siti Kasim** untuk ujian saringan awal urin dan dokumentasi PIFOS. Setelah selesai pada lebih kurang jam 0200 hrs, **A3** telah rakam percakapan **Siti Kasim** di pejabat D9 dengan diiringi oleh seorang anggota polis wanita dan peguam **Siti Kasim** bersama seorang lelaki india.
- 20
- 25
- 4.38 Semasa **A3** sedang merakam percakapan **Siti Kasim**, pegawai perakam memaklumkan kepada **A3** bahawa rakaman percakapan mangsa (Anis) telah selesai. **A3** mengarahkan seorang anggota untuk membawa mangsa ke Hospital Kajang bagi pemeriksaan kesihatan. **A3** telah mengeluarkan Pol.57 untuk tujuan itu.
- 30
- 4.39 **A3** telah menyambung rakaman percakapan **Siti Kasim** dan pada jam lebih kurang 0330hrs, **A3** telah dimaklumkan oleh anggota bahawa doktor yang bertugas ingin berjumpa dengan **A3** di Hospital Kajang. Beliau telah menamatkan rakaman percakapan **Siti Kasim** dan telah
- 35

5 menuju ke hospital dan berjumpa dengan doktor tersebut. Doktor mengatakan setelah membuat pemeriksaan dapati mangsa dalam keadaan baik dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda mangsa bersikap agresif atau keinginan untuk membunuh diri dan mangsa memberi kerjasama yang baik.

10

4.40 Doktor membenarkan mangsa dibawa keluar dari hospital dan memberi tarikh temujanji pada 28/6/2018. **A3** memaklumkan kepada KBSJD akan hasil pemeriksaan, tindakan doktor dan menyerahkan segala urusan kepada pihak hospital.

15

ISU BERKAITAN TANGKAPAN KEATAS SITI KASSIM.

4.41 Pada 24/6/2018, pegawai D5 Siasatan Perundangan IPD Kajang iaitu **A5** telah dihubungi oleh seorang pegawai kanan bagi membantu satu kes yang sedang dijalankan oleh D9 IPD Kajang.

20

4.42 Apabila tiba di pejabat D9 Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kajang, **A5** telah memperkenalkan diri dan telah bertanya kepada kumpulan tersebut dengan siapa beliau boleh bercakap. Seorang wanita telah memperkenalkan diri iaitu **Siti Kasim**. **Siti Kasim** telah bertanya di mana anak guamnya. **Siti Kasim** turut menyatakan bahawa **Anis** adalah anak guamnya dan telah mempersoalkan kuasa polis membawa Anis ke Balai Kajang.

25

4.43 **A5** telah maklumkan kepada **Siti Kasim** bahawa pihak polis bertindak atas laporan polis berikutan kejadian di Hospital Kajang dan laporan polis daripada ibu **Anis** yang menyatakan anaknya mempunyai masalah mental. **A5** juga tidak membenarkan **Siti Kasim** untuk berjumpa dengan **Anis** kerana ini boleh mengganggu siasatan polis.

30

35

4.44 **A5** telah panggil **Siti Kasim** untuk masuk ke dalam bilik pentadbiran D9 BSJ IPD Kajang dan dalam bilik tersebut telah maklumkan kepada **Siti Kasim** bahawa **A5** akan membuat tangkapan ke atas **Siti Kasim** di

5 bawah seksyen 363/186 KK. Berhubung dengan persoalan daripada **Siti Kasim** akan justifikasi tangkapan tersebut, **A5** menjelaskan bahawa tangkapan dibuat atas kesalahan-kesalahan berikut:

- 10 i) membawa lari **Anis** yang berada di bawah jagaan Hospital Kajang (Anis ketika itu menjalani pemeriksaan oleh pihak hospital);
- ii) melarikan orang dari jagaan yang sah iaitu anggota eskot polis; dan
- iii) menghalang penjawat awam dari menjalankan tugas.

15

4.45 **Siti Kasim** turut mempersoalkan hak polis untuk menangkapnya kerana dia adalah peguam kepada **Anis** dan dia ada hak ke atas **Anis**. **A5** telah jelaskan semula kepada **Siti Kasim** bahawa **Anis** masih dalam kawalan pihak polis dan sedang menjalani rawatan di hospital. Oleh itu, tindakan **Siti Kasim** membawa lari **Anis** dari hospital telah menghalang penjawat awam menjalankan tugas. Kelihatannya, **Siti Kasim** faham dengan penjelasan **A5**.

20

4.46 Setelah selesai, **A5** benarkan **Siti Kasim** keluar dari bilik pentadbiran D9 BSJ IPD Kajang. Namun, sejourus **Siti Kasim** keluar dari bilik tersebut, beliau telah menjerit “**They want to arrest me!!**”. Rakan-rakan **Siti Kasim** yang berada di luar bilik tersebut mengeluarkan telefon bimbit masing-masing dan merakam kejadian tersebut. **Siti Kasim** juga telah mempertikaikan tindakan polis ke atas tangkapan yang akan dibuat ke atasnya.

25

30

4.47 Pada masa yang sama **A5** telah terima panggilan telefon daripada seorang pegawai kanan polis yang maklumkan bahawa beliau telah terima arahan daripada seorang pegawai atasan supaya tangkap dan gari **Siti Kasim**. Sungguhpun begitu **A5** masih belum keluarkan arahan untuk gari **Siti Kasim**.

35

- 5 4.48 5 minit kemudian, **A5** telah dimaklumkan oleh pegawai kanan polis tersebut akan arahan daripada pegawai atasan untuk tangkap dan gari **Siti Kasim**. **A5** telah hubungi seorang lagi pegawai kanan untuk dapatkan pengesahan berkenaan dengan arahan “gari & tangkap” tersebut, walau bagaimanapun, pegawai kanan tersebut telah arahan
- 10 **A5** untuk rujuk semula dengan pegawai kanan yang mula-mula memberi arahan gari.
- 4.49 **A5** telah menghubungi pegawai kanan tersebut dan beliau masih bertegas supaya beliau menggari dan tangkap **Siti Kasim**. Berikutan itu, **A5** telah arahan **A6** untuk *standby* gari **Siti Kasim** dan **A6** hanya “*standby*” untuk menggari **Siti Kasim**.
- 15
- 4.50 **Siti Kasim** telah menjerit “***U nak gari !?! Siti Kasim*** kemudiannya telah menyatakan kesudiannya memberikan kerjasama dan **Siti Kasim** tidak digari kerana memberikan kerjasama. **A5** juga telah minta supaya rakan-rakan **Siti Kasim** beredar dan keluar dari pejabat D9 BSJ IPD Kajang. Namun, pada awalnya mereka tidak memberikan kerjasama. Kemudiannya, **A5** telah arahan **A4** dan anggota lain untuk mengeluarkan rakan-rakan **Siti Kasim** dari pejabat D9.
- 20
- 25
- 4.51 Setelah rakan-rakan **Siti Kasim** beredar dan keluar, **Siti Kasim** duduk di kerusi di pejabat D9 dalam keadaan tenang. **A5** teruskan dengan membuat laporan tangkapan KAJANG/23297/18 pada 24/6/2018 jam 12:40 pagi. **A5** kemukakan Borang 28A Kanun Tatacaca Jenayah (“KTJ”) dan bacakan kepada **Siti Kasim**, dia akur dan faham dan telah tandatangani borang tersebut. **A5** juga telah bacakan sebab-sebab tangkapan dibuat dan hak-hak untuk berhubung dengan keluarga dan berjumpa dengan peguam.
- 30
- 35 4.52 Kemudiannya, **A5** arahan pegawai penyiasat **A3** untuk merakam keterangan **Siti Kasim**. Keterangan di bawah 112 KTJ **Siti Kasim** turut dihadiri oleh seorang peguam. Setelah selesai dirakam percakapan, **Siti Kasim** telah dihantar ke lokap Balai Polis Semenyih.

5 **5. TATACARA SIASATAN**

5.1 Taklimat oleh IPD Kajang.

10 5.1.1 mendapatkan maklumat awal serta memaklumkan bahawa Suruhanjaya sedang menyiasat isu berkaitan tangkapan serta penggeledahan yang dijalankan ke atas rumah Siti Kasim bagi menyelamatkan Anis.

15 5.1.2 Selain itu, Pasukan Siasatan Suruhanjaya juga telah membuat lawatan serta ditaklimatkan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kajang berkaitan pesakit bernama Anis.

5.2 Merekodkan keterangan saksi-saksi.

20 Pasukan Siasatan Suruhanjaya juga telah merakam keterangan seramai 12 orang saksi (**A1** hingga **A12**) di bawah **seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ)** dibaca bersama **seksyen 32 Akta 700**.

25

6. RINGKASAN KETERANGAN SAKSI-SAKSI (A1 – A12)

30 (Butiran penuh keterangan saksi-saksi (A1 – A12) tidak dizahirkan di laman sesawang / buku laporan siasatan bagi pendedahan awam ini tetapi terdapat di dalam teks laporan penuh siasatan bagi rujukan agensi-agensi yang terlibat)

7. ANALISA DAN DAPATAN SIASATAN SURUHANJAYA

35 ISU TANGKAPAN

7.1 Berdasarkan keterangan saksi-saksi dan dokumen sokongan yang diperoleh, Suruhanjaya berpandangan bahawa isu tangkapan Siti

5 Kasim di pejabat D9 Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kajang adalah
dibuat secara sah dan menurut undang-undang. Pihak polis telah
bertindak berdasarkan peruntukan seksyen 23(1)(a) Kanun Tatacara
Jenayah [Akta 593] yang mana memperuntukkan mana-mana orang
10 boleh ditangkap tanpa waran sekiranya disyaki melakukan kesalahan
yang lazimnya boleh ditangkap (*seizable offence*) atau menghalang
penjawat awam menjalankan tugas.

7.2 Peruntukan seksyen 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]
dipetik seperti yang berikut:

15 “*When police or penghulu may arrest without warrant*

20 23. (1) *Any police officer or penghulu may without an order
from a Magistrate and without a warrant arrest—*

25 (a) *any person who has been concerned in any offence
committed anywhere in Malaysia which is a seizable
offence under any law in force in that part of Malaysia
in which it was committed or against whom a
reasonable complaint has been made or credible
information has been received or a reasonable
suspicion exists of his having been so concerned;*

(b) ...

(c) ...

30 (d) ...

(e) *any person who obstructs a police officer while in the
execution of his duty or who has escaped or attempts
to escape from lawful custody;”*

35 7.3 Mahkamah Persekutuan dalam kes **Ramly & Ors v. Jaffar [1968] 1
MLJ 209** telah menggariskan prinsip bahawa sama ada terdapat sebab
yang munasabah (*reasonable suspicion*) dan/atau maklumat yang
boleh dipercayai menurut perenggan 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah
[Akta 593], adalah perlu dilihat secara objektif berdasarkan fakta sedia
40 ada.

5 7.4 Berhubung dengan penegasan **Siti Kasim** bahawa **Anis** adalah anakkuamnya, Mahkamah Rayuan (PUTRAJAYA) dalam kes **Leonard Teoh Hooi Leong v Public Prosecutor [2010] 3 MLJ 373** telah memutuskan bahawa:

10 (4) *Hakim Mahkamah Tinggi adalah betul apabila enggan menggunakan kuasa semakan beliau untuk mengkas keputusan Majistret. Dalam kes ini, prosedur s117 KPJ telah dipatuhi, Perayu tidak boleh berlindung di sebalik ‘skirt of privilege’ apabila dia sedang disiasat berhubung kes jenayah.*

15

7.5 Dalam hal ini, didapati tiada tindakan diskriminasi secara tidak wajar yang berlaku kerana arahan tangkapan terhadap **Siti Kasim** dibuat berdasarkan fakta dan peruntukan perenggan 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], antara lainnya, kerana—

20

(a) menghalang penjawat awam menjalankan tugas yang juga merupakan kesalahan boleh ditangkap di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan bersabit laporan polis KAJANG/23052/18; dan

25

(b) terdapat sebab yang munasabah (*reasonable suspicion*) dan/atau maklumat yang boleh dipercayai beliau terlibat melakukan kesalahan boleh ditangkap di bawah kesalahan seksyen 362 melarikan orang yang boleh dihukum dibawah seksyen 363 Kanun Keseksaan kerana menculik dari jagaan yang sah seorang pesakit iaitu **Anis** yang sedang dalam pemeriksaan pihak pegawai perubatan menurut seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001[*Akta 615*] dan bersabit repot yang dibuat oleh ibu kepada **Anis** iaitu PRESINT 7/005721/18 dan PRESINT 7/005630/18.

30

35

5 7.6 Seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*] memperuntukkan
bahawa bagi melindungi hak orang ramai, seseorang yang disyaki
mengalami kecelaruan mental dan dikhuatiri berbahaya kepada dirinya
sendiri atau ke atas orang lain, boleh ditahan oleh pihak polis dan
pegawai polis yang menahan pesakit tersebut dikehendaki membawa
10 pesakit tersebut untuk diperiksa oleh pengamal perubatan tidak lebih
daripada tempoh 24 jam selepas penahanan dibuat.

ISU SERBUAN

15 7.7 Serbuan yang dibuat oleh pihak polis ke atas rumah **Siti Kasim** juga
didapati teratur dan mengikuti SOP yang berkuatkuasa. Didapati pihak
polis telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepolisan
berdasarkan **PTKN BHG A 143 Para 9.3.1** iaitu tindakan polis adalah
bersabit repot **KAJANG/023052/18** iaitu satu kejadian yang berlaku di
20 hospital Kajang pada jam 1630hrs yang mana pengadu merupakan
seorang anggota polis yang bertugas di Balai Polis Presint 7 iaitu **A9**
melaporkan kejadian seorang pesakit perempuan melayu dilarikan oleh
seorang perempuan melayu iaitu **Siti Kasim**.

ISU GARI

25 7.8 Merujuk kepada isu gari ke atas **Siti Kasim** semasa **Siti Kasim** berada
di Pejabat D9 IPD Kajang, beliau tidak digari atas budi bicara **A5** serta
Siti Kasim sudi memberi kerjasama berkaitan kes ini. Justeru, kuasa
budibicara tersebut yang melibatkan hak asasi dan kebebasan diri
30 seseorang telah digunakan dengan wajar, adil dan akauntabiliti.

35 7.9 Menurut kepada gambar **Siti Kasim** digari selepas permohonan reman
ditolak oleh Mahkamah Majistret Kajang, **A3** iaitu Pegawai Penyiasat
Kes menyatakan bahawa beliau tidak memberi apa-apa arahan
berkaitan **Siti Kasim** kekal digari. Peguam **Siti Kasim** ada
membangkitkan kewajaran terus menggari kepada Pendaftar

5 Mahkamah, namun tiada arahan dan kata putus Pendaftar supaya gari dibuka.

7.10 Berdasarkan peruntukan subseksyen 28(3) KTJ, tempoh penahanan, pada ketiadaan atau selepas tamat perintah khas daripada Majistret di bawah seksyen 117 KTJ, mestilah tidak melebihi 24 jam tanpa dikira masa yang perlu untuk perjalanan dari tempat tangkapan ke hadapan Majistret. Oleh itu, memandangkan tempoh penahanan 24 jam masih ada maka tindakan meneruskan penggarian terhadap **Siti Kasim** adalah teratur di sisi undang-undang.

15

8. KESIMPULAN

Mengambil kira fakta-fakta, keterangan-keterangan dan dapatan siasatan Suruhanjaya, adalah disyorkan untuk siasatan dihentikan dan tiada salah laku pihak polis yang boleh diambil tindakan di bawah Akta 700.

20

9. SYOR DAN PERAKUAN SURUHANJAYA

25 Disyorkan untuk siasatan dihentikan dan tiada salah laku pihak polis yang boleh diambil tindakan di bawah Akta 700.